



RM[™]easiteach[™]
NEXT GENERATION

Panduan Pemasangan

Isi Kandungan

Pilihan Pemasangan	3
Pemasangan DVD	3
Muat turun laman web	3
Memasang RM TM Easiteach TM Next Generation	4
Memasang pek aset multimedia Corbis.....	10
Memasang Teks kepada suara pertuturan	12
Mula semula	15
Membuang RM TM Easiteach TM Next Generation	16
Keperluan teknikal.....	17
Sokongan	18

Pilihan Pemasangan

Pemasangan DVD

Masukkan DVD RM™ Easiteach™ Next Generation ke dalam pemacu DVD dan program pemasangan akan bermula secara automatik.

Jika pemasangan tidak bermula secara automatik, buka 'Komputer Saya' dan kemudi ke pemacu yang mengandungi DVD tersebut. Buka pemacu tersebut dan klik dua kali pada setup.exe. Kemudian ikuti arahan di bawah, bermula dengan bahagian 'Memasang RM Easiteach Next Generation'.

Muat turun laman web

Anda boleh memuat turun dan memasang versi terakhir Easiteach dari laman web Easilearn (www.easilearn.com).

Setelah aplikasi itu mula dipasang, ikuti arahan di bawah, bermula dengan bahagian 'Memasang RM Easiteach Next Generation'.

Memasang RM™ Easiteach™ Next Generation

(Versi 1.5.0)

Jika anda belum memasang semua prasyarat yang diperlukan oleh RM™ Easiteach™ Next Generation, anda mungkin diminta untuk memasang satu atau lebih aplikasi berikut:

- Microsoft® .Net Framework 4 Client Profile
- Microsoft® Visual C++ 2010 Redistributable (10.0.40219.01)
- Microsoft® Windows® Image Acquisition Library Automation Layer (Windows® XP)
- Adobe® Flash Player v11.2 bagi pelayar selain daripada Internet Explorer®
- K-Lite codec pack basic (9.1.0)
- Windows® Media Player 11 atau lebih terkini (Windows® XP)
- Windows® Media 9 Codec (Windows® XP)
- OGG Video / Audio Codec (Windows® XP)
- Microsoft® DirectX 9 (Windows® XP)

Ikuti arahan pemasangan yang diberi pada skrin.

Pilih bahasa

Pilih satu bahasa.



Pasang

Pilih Pasang Sekarang atau Pemasangan Tersuai.



Pemasangan Tersuai

Jika Pemasangan Tersuai dipilih, tandakan pilihan yang ingin anda pasang.




Selamat datang ke Bestari InstallShield bagi Easiteach Next Generation

- Klik Seterusnya untuk meneruskan.



Perjanjian Lesen

Sila baca ringkasan lesen dan pilih 'Saya menerima terma di dalam perjanjian lesen'.



Saiz halaman lalai

Bagi memastikan bahawa RM™ Easiteach™ Next Generation memaparkan saiz yang optima bagi komputer, projektor atau papan tulis interaktif anda, maka adalah penting bagi anda memilih saiz halaman lalai. Pilih saiz halaman lalai yang anda ingin gunakan daripada menu jatuh turun.



Lokasi pusat muat turun lalai

Bagi memaparkan keputusan yang paling berkaitan dengan lokasi anda di dalam pusat muat turun adalah penting untuk memilih lokasi lalai. Pilih lokasi lalai anda daripada menu jatuh turun.



Persediaan Tersuai

Tetingkap Persediaan Tersuai akan dipaparkan.

- Pastikan bahawa ciri yang anda perlukan dipasang dengan mengklik pada item tersebut dan memilih rait;
- Klik Seterusnya untuk meneruskan.

Sila ambil perhatian bahawa Perihal Ciri menunjukkan jumlah ruang yang diperlukan pada pemacu keras anda untuk setiap ciri.



Jika anda ingin menukar tempat RM™ Easiteach™ Next Generation dipasang pada komputer anda, pilih ubah dan masukkan lokasi yang baru dalam medan yang berkaitan di dalam Ubah Folder Destinasi Semasa.

Sedia untuk Memasang Program

- Klik Pasang untuk meneruskan.



Bestari InstallShield Selesai

- Klik Selesai untuk menyempurnakan pemasangan RM™ Easiteach™ Next Generation.




Easiteach akan siap dipasang dengan pintasan di atas meja anda dan juga tersedia untuk dibuka dengan mengemudi ke Mula > Semua Program > Easiteach Next Generation.

Memasang pek aset multimedia Corbis

RM™ Easiteach™ Next Generation disertakan dengan sebilangan aset termasuk imej dan foto. Aset-aset ini dipasang secara berasingan dengan mengikuti arahan di bawah.


Selamat datang ke Bestari InstallShield bagi Pek Aset Multimedia Corbis

- Klik Seterusnya untuk meneruskan atau Batal jika anda ingin menyudahkan pemasangan pada kemudian hari.



Perjanjian Lesen (Pek Aset Multimedia Corbis)

Sila baca ringkasan lesen dan pilih 'Saya menerima terma di dalam perjanjian lesen'.



Sedia untuk Memasang Program (Pek Aset Multimedia Corbis)

- Klik Pasang untuk meneruskan.



Bestari InstallShield Selesai

- Klik Selesai untuk melengkapkan pemasangan pek aset multimedia Corbis.




Memasang Teks kepada suara pertuturan

RM™ Easiteach™ Next Generation disertakan dengan berbagai jenis suara untuk digunakan di dalam kefungsiannya teks kepada pertuturan. Suara-suara ini dipasang secara berasingan dengan mengikuti arahan di bawah.


Selamat datang ke Bestari InstallShield bagi Teks kepada suara pertuturan

Klik Seterusnya untuk meneruskan atau Batal jika anda ingin menyudahkan pemasangan pada kemudian hari.



Perjanjian Lesen (Pemasang teks kepada suara pertuturan)

Sila baca ringkasan lesen dan pilih 'Saya menerima terma di dalam perjanjian lesen'.



Persediaan Tersuai (Pemasang teks kepada suara pertuturan)

Tetingkap Persediaan Tersuai akan dipaparkan. Anda boleh memilih untuk memasang sebanyak 2 suara.



- Klik butang di sebelah setiap bahasa yang anda perlukan dan pilih pilihan yang sesuai.
- Klik Seterusnya untuk meneruskan.

Sila ambil perhatian bahawa Perihal Ciri menunjukkan jumlah ruang yang diperlukan pada pemacu keras anda untuk setiap ciri.

Sedia untuk Memasang Program (Pemasang teks kepada suara pertuturan)

- Klik Pasang untuk meneruskan.



Bestari InstallShield Selesai

- Klik Selesai untuk menyempurnakan pemasangan Teks kepada suara pertuturan.



Pemasangan sudah selesai. Klik OK.



Mula semula


Setelah anda menyelesaikan pemasangan anda mungkin diminta untuk memulakan semula komputer anda. Jika anda diminta untuk berbuat demikian, mulakan semula komputer anda sebelum mencuba menggunakan Easiteach.



Membuang RM™ Easiteach™ Next Generation

Untuk membuang aplikasi ini kemudi ke Menu mula > Panel Kawalan. Pilih pilihan Tambah atau Buang Program.

- Di dalam tettingkap Tambah atau Buang Program, pilih Easiteach Next Generation, supaya ianya terserlah. Apabila terserlah dua butang akan dipaparkan, Ubah dan Buang.



- Klik Buang. Mesej pengesahan akan dipaparkan.



- Pilih OK.

Beberapa mesej yang berlainan akan dipaparkan, yang mengesahkan bahawa pembuangan sedang berjalan dan masa yang diperlukan untuk melengkapkannya. Setelah ia dibuang, Easiteach Next Generation tidak lagi terdapat di dalam paparan Tambah atau Buang Program. Sila ambil perhatian bahawa ini mungkin mengambil sedikit masa kerana terdapat sejumlah besar aset untuk dibuang.

Keperluan teknikal

Perkakasan dan perisian minimum dan saranan yang diperlukan untuk menggunakan RM™ Easiteach™ Next Generation adalah:

	Minimum	Saranan
Sistem Pengendalian	Komputer sendiri yang menggunakan Windows® XP SP3 (32 Bit), Windows Vista™ SP2 (32 atau 64 Bit), Windows® 7 (32 atau 64 Bit) atau Windows® 8 (32 atau 64 Bit) Mac OS 10.6.8, 10.7.2 (Intel)	Komputer sendiri yang menggunakan Windows® 7 (32 atau 64 Bit) atau Windows® 8 (32 atau 64 Bit)
Pemproses	Windows: 1.8GHz+ Mac: 2GHz+	Windows: 2.5GHz+ Mac: 3.06 GHz+
Ingatan	Windows: 512MB Mac: 2GB	Windows: 1GB Mac: 4GB
Storan	Windows: 500MB Mac: 10GB	Windows: 1GB Mac: 10GB
Kad grafik	64MB	256MB
Skrin	1024x768	1024x768 atau lebih tinggi

Syarat-syarat berikut diperlukan bagi Windows®:

Microsoft® .Net Framework 4 Client Profile
 Microsoft® Visual C++ 2010 Redistributable (10.0.40219.01)
 Adobe® Flash Player v11.2 untuk pelayar web selain daripada Internet Explorer®
 K-Lite codec pack basic (9.1.0)
 Windows® Media Player 11 atau lebih baru (Windows® XP)
 Windows® Media 9 Codec (Windows® XP)
 OGG Video/Audio Codec (Windows® XP)
 Microsoft® Windows® Image Acquisition Library Automation Layer (Windows® XP)
 Microsoft® DirectX 9 (Windows® XP)

Syarat-syarat berikut diperlukan bagi Mac:

XiphQT(decoders).component v 0.1.9
 XiphQT.component v 0.1.9
 ffmpeg2theora v 0.27
 Adobe® Flash Player v 11
 Flip4Mac

Sokongan

Jika anda memerlukan sokongan untuk menggunakan Easiteach, sila semak panduan ini untuk melihat sama ada ia mengandungi jawapan kepada kemusykilan anda. Panduan ini juga boleh diakses dari menu 'e', dengan memilih pilihan Bantuan. Untuk bantuan dan sokongan teknikal lanjut, anda boleh lawati laman web Easiteach atau hubungi Sokongan. Untuk mendapatkan bantuan dalam talian, sila lawati www.easiteach.com/support. Laman web ini menyediakan maklumat dalam pelbagai bahasa.

Bagi kawasan tertentu, kami mengaturkan sokongan dalam negara. Sila lawati www.easiteach.com/support untuk maklumat lanjut.

Ataupun, hubungi syarikat yang membekalkan Easiteach.

Easiteach ialah tanda niaga RM Education Ltd di UK.

Hakcipta © RM Education Ltd 2013. Semua hak terpelihara.